

CUEPACS nafi kakitangan awam sokong parti lawan

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menafikan sebahagian besar kakitangan kerajaan menyokong parti pembangkang sehingga merosotnya undi orang Melayu kepada Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya lalu.

Menurut beliau, majoriti kakitangan kerajaan masih berdiri teguh di belakang BN kecuali di Kelantan dan Terengganu.

Presidennya, N. Siva Subramaniam memberitahu, adalah tidak benar jika ada pihak yang mengatakan sebahagian besar kakitangan sektor awam tidak menyokong kerajaan.

“Sebenarnya hanya segelembung sahaja daripada mereka yang menyokong pembangkang. Itu hanya berlaku di Terengganu dan Kelantan tetapi tidak di beberapa negeri lain.

“Oleh itu adalah tidak wajar sesetengah pihak menyalahkan CUEPACS dalam soal ini,” ujarnya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau berharap isu bahawa kakitangan kerajaan memihak kepada pembangkang tidak akan mengubah keputusan kerajaan BN untuk menaikkan gaji seperti yang dijanjikan sebelum ini.

Siva menegaskan, CUEPACS telah melaksanakan tanggungjawab deng-

an memberikan nasihat kepada kakitangan awam seramai 800,000 orang agar memberikan sokongan kepada kerajaan pada pilihan raya yang berakhir Isnin lepas.

“Kita perlu bekerja keras menangani masalah tersebut,” jelasnya. Sambil itu, CUEPACS mengambil kesempatan mengucapkan tahniah atas kejayaan Barisan Nasional (BN) di bawah teraju Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad atas kejayaan memenangi pilihan raya umum ke-10 dengan majoriti 2/3.

Jelas beliau, rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai golongan termasuk anggota sektor awam telah membuat pilihan dan keputusan tepat melainkan Kelantan dan Terengganu untuk memberi mandat kepada BN memerintah semula.

Sementara itu, Setiausaha Agungnya, Abd. Rahman Manan berharan kabinet baru yang akah dibentuk nanti akan dapat meneruskan perbincangan mengenai tawaran pelarasan gaji kakitangan awam sebanyak 10 peratus yang diumumkan dalam Belaniawan 2000.

Beliau memberitahu, pada dasarnya pihak kesatuan tidak membantah tawaran tersebut sebaliknya perbincangan secara khusus perlu diadakan.

Beliau turut berharap kabinet baru nanti akan memenuhi janji-janji yang dibuat dalam manifesto BN sewaktu pilihan raya lepas.

Menurutnya, CUEPACS tetap akan memperjuangkan permintaan ke-

naikan gaji kakitangan awam sebanyak 20 peratus sebagai tambahan 10 peratus kenaikan gaji asas yang diumumkan oleh kerajaan.

Beliau berkata, biarpun kerajaan menawarkan kenaikan sebanyak 10 peratus tetapi CUEPACS melihat perkara itu perlu mendapat penjelasan terperinci.

“Oleh itu, CUEPACS mengharapkan perbincangan mengenai pelarasan gaji diberikan perhatian oleh kabinet baru nanti,” ujarnya.

Jelasnya, ada sebahagian besar kakitangan awam yang masih kurang memahami mengenai tawaran kenaikan gaji 10 peratus oleh kerajaan itu.

Beliau menambah, isu mengenai umur persaraan yang diminta oleh CUEPACS daripada 55 tahun kepada 58 tahun juga akan turut dibincang termasuk beberapa perkara lain.

Selain itu jelas Abd. Manan, beberapa permohonan dan rayuan CUEPACS melalui manifesto CUEPACS Ke Alaf Baru yang dilancarkan minggu lalu akan mendapat pertimbangan daripada kerajaan.

“Kita harap akan dapat mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir bagi membincangkan mengenai perkara tersebut,” ujarnya.